

**Sila semak semasa dilafazkan**

**UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA  
DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD ALI  
DI MAJLIS PELANCARAN ALBUM KUMPULAN RESQ  
SEMPENA PROJEK AMAL MENGISI TABUNG KEWANGAN  
CUEPACS DAN DANA KHAS NEGARA  
DI AUDITORIUM BESAR SULTAN AHMAD SHAH  
BANGUNAN RISDA, KUALA LUMPUR  
PADA HARI SABTU, 8 OGOS 1998  
PUKUL 3.45 PETANG**

---

Terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada CUEPACS dan MEGA RECORDS yang telah sudi menjemput saya untuk hadir dan seterusnya merasmikan pelancaran Album Kumpulan RESQ terbitan usahasama CUEPACS dan MEGA RECORDS.

2. Saya dimaklumkan bahawa ini adalah julong-julong kalinya satu Projek Amal yang dibuat secara usahasama sebuah Pergerakan Kesatuan Sekerja dengan sebuah syarikat rakaman yang bertujuan untuk mengukuhkan lagi Tabung Bangunan Kesatuan. Sesungguhnya usaha Amal seperti ini sangat wajar diadakan dan seharusnya mendapat sokongan penuh daripada semua lapisan masyarakat khususnya semua para pekerja.

3. Pada hari ini saya rasa sungguh gembira dan berbangga kerana saya lihat Pergerakan Kesatuan Sekerja, khususnya CUEPACS telah dapat membawa satu imej yang cukup sederhana di tengah-tengah masyarakat. Sebagai sebuah Pergerakan Kesatuan Sekerja, bukan sahaja bertanggungjawab membela dan memperjuangkan nasib ahli-ahlinya malah bersama-sama melibatkan diri dalam menangani masalah sosial, anti-dadah, kepenggunaan dan sebagainya. Penglibatan pihak pekerja di tengah-tengah

masyarakat hari ini adalah sangat wajar dan bijak. Lebih-lebih lagi dalam keadaan sekarang ini di mana negara sedang menghadapi masalah kegawatan ekonomi.

4. Menyentuh mengenai masalah kegawatan ekonomi yang sedang melanda negara kita masakini, saya rasa peranan pemimpin dan pekerja-pekerja sendiri adalah sangat penting.

5. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas kepada kepimpinan CUEPACS yang mana saya dimaklumkan bahawa CUEPACS telah menanggungkan buat sementara waktu semua tuntutan termasuk tuntutan gaji kepada Kerajaan. Pada masa yang sama pekerja-pekerja pula dengan sukarela telah menyumbangkan 1 peratus daripada bonus mereka atau minima RM 10.00 kepada Dana Khas Negara. Semangat yang ditunjukkan oleh pihak pekerja untuk bersama-sama berganding bahu dengan Kerajaan dalam era menghadapi kegawatan ekonomi negara ini sangat saya kagumi dan puji. Bertepatan dengan pepatah Melayu yang menyatakan "Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing!". Sekali lagi syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua pekerja dalam sektor awam.

6. Sesuai dengan keadaan dan masa yang sama saya juga ingin mengingatkan kepada para pekerja sekalian supaya berbelanja secara berhemah. Berbelanjalah untuk membeli barangan yang benar-benar perlu sahaja. Dan jangan lupa utamakanlah Barangan Buatan Malaysia.

7. Di samping tuan-tuan dan puan-puan berhati-hati berbelanja, teruskanlah sikap berjimat cermat dengan cara menabung mengikut kemampuan masing-masing.

8. Saya berbangga dan bersyukur menjadi salah seorang rakyat Malaysia. Salah satu sifat istimewa rakyat Malaysia ialah suka membuat kerja-kerja kebajikan dan amal bakti. Saya dimaklumkan bahawa mulai hari ini dan akan berterusan untuk beberapa bulan akan datang CUEPACS akan menjalankankutipan untuk DANA KHAS NEGARA (DKN) dan program tersebut akan dinamakan 'DERMARIA DKN SERINGGIT' dan sumbangan derma daripada orang ramai ini akan disalurkan kepada Tabung Dana Khas Negara yang telah diwujudkan oleh Kerajaan.

9. Melalui program yang sama juga, saya juga telah difahamkan bahawa terdapat beberapa Kesatuan Sekerja berganding bahu dengan syarikat-syarikat rakaman yang terlibat yang akan mendermakan seringgit daripada setiap jualan kaset mereka semasa membuat promosi album RESQ yang akan dilaksanakan oleh pihak MEGA RECORDS di seluruh negara kelak. Antaranya termasuklah Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Pihak Berkuasa Tempatan Semenanjung Malaysia (ANULAE), Kesatuan Kebangsaan Guru-Gurru (NUTP), Syarikat-syarikat Rakaman MEGA RECORDS SDN. BHD. dan VARIA MUSIC PRODUCTION SDN. BHD. Sumbangan mereka ini juga akan disalurkan kepada Tabung Dana Khas Negara. Sekali lagi saya rakamkan ucapan syabas dan tahniah di atas sikap mereka yang prihatin terhadap masalah negara.

10. Akhir kata saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada CUEPACS dan pihak MEGA RECORDS yang telah sudi menjemput saya dan saya mendoakan agar usaha murni yang dilaksanakan akan memberi manfaat kepada semua khususnya pihak pekerja. Saya juga berterima kasih kepada pihak pengurusan Mega Records kerana telah sudi memuatkan sebuah lagu khas untuk suami saya YAB Dato Seri Dr Mahathir di dalam album ini yang telah diterbitkan sebagai satu usaha mengenang jasa dan kebanggaan negara.

11. Dengan kalimah 'Bismillahir Rahmanir Rahim saya merasmikan pelancaran album kumpulan RESQ dan program usahasama 'DERMARIA DKN SERINGGIT' hari ini.

\*\*\*\*\*